

**MASYARAKAT MALAYSIA YANG
DINAMIK: KE ARAH MASA DEPAN
YANG LEBIH CEMERLANG**

Di akhir Bab 10, pelajar akan dapat;

- menjelaskan konsep-konsep asas masyarakat Malaysia yang dinamik seperti kesepaduan sosial, minda kelas pertama.
- mengklasifikasi dan menghuraikan dinamika masyarakat Malaysia sebelum, semasa dan selepas merdeka.
- membuat sintesis bagaimana untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang dinamik pada masa depan.
- membincangkan akan cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh Malaysia bagi membangunkan sebuah masyarakat yang dinamik.

PENGENALAN

- Masyarakat secara sederhana bermaksud kumpulan individu yang tinggal di sesebuah kawasan, mengamalkan suatu cara hidup dan saling bekerjasama dalam mencapai sesuatu misi kehidupan seperti mencapai kebahagiaan, kemakmuran dan keharmonian.
- Manakala, dinamik pula membawa maksud ‘perubahan’, ‘cergas’ dan ‘bertenaga’. Justeru, kedua-dua perkataan ini dalam konteks tajuk ini membawa maksud masyarakat Malaysia yang berbilang kaum hidup dalam suasana yang harmoni, bebas, makmur dan mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai perubahan politik, ekonomi, sosial dan globalisasi.

- Sejak merdeka, pelbagai perubahan dan cabaran dilalui oleh masyarakat Malaysia pelbagai kaum pada peringkat lokal dan global. Tentulah dalam konteks masyarakat majmuk, tiada lain yang lebih penting selain hidup dalam situasi yang aman, harmoni dan bersatu padu. Setelah lebih 60 tahun Malaysia merdeka, cabaran yang dilalui oleh masyarakat Malaysia semakin rumit.
- Namun, masyarakat Malaysia terus melangkah ke hadapan menghadapi pelbagai cabaran dan tantangan baru globalisasi. Perubahan sosial yang dilalui sejak sebelum merdeka hingga ke alaf baru ini dapat difahami menerusi dua pendekatan iaitu pendekatan konflik dan terkini pendekatan kesepaduan (unity).

- Kedua-dua pendekatan ini, melihat persoalan dinamika masyarakat dalam dua perspektif yang ekstrim dan sederhana. Pendekatan konflik cuba menggambarkan masyarakat berada situasi berkonflik dan saling ‘bertelagah’ khususnya dalam menjaga kepentingan ekonomi, politik dan sosial kaum masing-masing.
- Manakala, pendekatan terkini menjelaskan masyarakat Malaysia yang pelbagai ini hidup dalam pelbagai perbezaan nilai dan budaya namun disulami dengan kesepaduan sosial yang erat antara kaum (Mansor, 2013). Justeru, antara kedua-dua pendekatan ini tentulah pendekatan yang kedua iaitu “*unity in diversity*” itu lebih menepati rupa bentuk masyarakat Malaysia yang kita mahukan (Shamsul Amri, 2012)

Apakah masyarakat Malaysia bersifat dinamik?

- Secara umumnya, bila memerihalkan tentang masyarakat, majoriti ahli sosiologi berpendapat bahawa masyarakat adalah bersifat dinamik. Manusia, komuniti dan masyarakat pada lazimnya adalah bersifat dinamik dan sentiasa berubah berdasarkan keperluan terhadap persekitaran dan lingkungan.
- Ia sesuai dengan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia iaitu sebagai khalifah yang memakmurkan alam ini. Justeru, dengan tanggungjawab dan peranan manusia itulah maka dapat dilihat sejak nabi Adam A.S. sehingga kini kehidupan manusia dan masyarakat global semakin unik, kompleks dan dinamik. Hal yang sama berlaku kepada masyarakat Malaysia yang bersifat kepelbagaian dari segi agama, etnik, adat dan budaya.

- Dalam rentasan masa sejarah masyarakat Malaysia dapat disoroti bagaimana proses dinamika masyarakat berlaku sejak prasejarah sehingga zaman pascamoden ini (Shamsul Amri, 2012). Pelbagai peristiwa sejarah yang berlaku serta bagaimana proses ia berlaku dapat difahami dalam perspektif sejarah, antropologi, sosiologi dan sosiopsikologi. Peristiwa-peristiwa yang berlaku ini menjadi bukti kedinamikan masyarakat yang hidup dalam kepelbagaian citra budaya dan persekitaran yang majmuk.
- Sejarah awal Tanah Melayu menjelaskan bagaimana citra masyarakat yang bersifat homogenus (penduduk peribumi serumpun) (Zaid, 2013) akhirnya bertukar bentuk kepada masyarakat majmuk (Azmah, 2005) akibat daripada proses interaksi antara budaya berlaku menerusi kolonialisasi, perdagangan dan imigrasi. Dapat dikatakan bahawa abad ke-19 hingga kini bermulanya fasa negara bangsa dalam konteks global. Globalisasilah antara yang memungkinkan faktor berlakunya dinamika dan transformasi masyarakat di dunia dan Malaysia khususnya (Zaid, 2013).

Apakah kedinamikannya?

- Kedua-dua elemen iaitu masyarakat dan budaya adalah bersinonim dan tidak dapat dipisahkan. Masyarakatlah yang membina, membentuk dan dalam situasi yang ekstrim memusnahkan budaya.
- Secara amnya, budaya bermaksud keseluruhan cara hidup manusia. Ia merupakan satu proses perkembangan sahsiah, akal, semangat dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok.
- Perkara ini dapat dilihat melalui etimologi perkataan “budaya” yang bermaksud ‘budi dan daya’; iaitu budi sebagai aspek dalaman manusia yang meliputi akal dan nilai, manakala daya sebagai aspek lahiriah manusia yang meliputi usaha dan hasilan.
- Maka kesimpulannya, budaya boleh difahamkan sebagai segala penghasilan masyarakat manusia dalam pelbagai bentuk sama ada yang dapat dilihat atau tidak. Konsep budaya merupakan satu konsep yang penting untuk membandingkan perbezaan antara suatu masyarakat dengan suatu masyarakat yang lain.

- Dalam konteks Malaysia pada hari ini, isu dinamika masyarakat yang paling penting dan menonjol adalah untuk membina sebuah masyarakat dan negara idaman yang di dalamnya terbina ciri-ciri perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan antara kaum dan wilayah (Shamsul Amri dan Anis Yusal, 2014).
- ~~Sebuah masyarakat yang dinamik adalah masyarakat yang berdiri sebagai sebuah negara bangsa yang menjadikan nilai-nilai teras dan unggul sepunya sebagai teras kehidupan bermasyarakat dan bernegara.~~
- Iaitu lahirnya sebuah bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dengan nilai agama, kepercayaan, nilai, adat dan cara hidup yang berbeza (Shamsul Amri *et al.*, 2003) namun dapat disepadukan menerusi penyatupaduan nilai dan etos, budaya yang diterima secara universal sepertimana yang termaktub dalam pelbagai dasar, polisi, konsep dan strategi antaranya seperti Rukun Negara, Falasafah Pendidikan Kebangsaan, Dasar Sosial Negara, Wawasan 2020, Islam Hadhari dan 1Malaysia dan TN50.

DINAMIKA MASYARAKAT SEBELUM PENJAJAHAN

- Sebelum kedatangan penjajah Barat seperti Portugis, Belanda dan British ke Alam Melayu dan Tanah Melayu khususnya, sifat masyarakat adalah homogenus yang keseluruhannya adalah Melayu atau diaspora Melayu. Alam Melayu yang meliputi kawasan yang begitu luas mengandung pelbagai subetnik dan subbudaya yang beragam dan pelbagai. Menurut Mansor (2006), dinamika masyarakat di Alam Melayu adalah bersifat “*permeable*” dan “*canopy ethnicity*”.
- Setiap kumpulan etnik mempunyai ciri-ciri bahasa, budaya dan agama tersendiri. Namun, kesemua kumpulan etnik ini seperti Bugis, Mandailing, Jawa, Madura, Aceh, Sunda dan sebagainya bernaung di bawah etnik Melayu di alam Melayu dari segi bahasa, budaya dan agama. Malah, dalam kalangan etnik Melayu ini terbangunnya tamadun-tamadun yang besar dan kuat seperti empayar Sriwijaya, Majapahit, Melaka, Mataram, Aceh dan sebagainya. Masyarakat dinaungi oleh Sultan atau Raja.

DINAMIKA MASYARAKAT SEMASA PENJAJAHAN AWAL BRITISH

- Zaman penjajahan dalam konteks ini lebih merujuk pada masa penaklukan British ke atas Tanah Melayu antara tahun 1876 hingga 1957. Lebih kurang 85 tahun Tanah Melayu berada dalam cengkaman British. Kewujudan masyarakat majmuk juga sangat berkaitan dengan dasar buka pintu British terhadap warga asing khususnya dari India dan China sebagai buruh dalam industri perladangan dan perlombongan.
- Faktor ekonomi merupakan faktor utama kemasukan imigran ke Tanah Melayu (Azmah, 2005). Tenaga buruh ini penting dalam membangunkan ekonomi Tanah Melayu pada waktu itu. Bagi melicinkan dan melancarkan pentadbiran British berhubungan imigran ini, dasar "*divide & Rule*" (pecah dan perintah) telah diamalkan.
- Dasar ini secara terbuka memposisikan ketiga-tiga etnik ini mengikut bidang pengkhususan iaitu orang Melayu bercucuk tanam di kampung-kampung; orang India berkerja di estet dan ladang getah; manakala orang-orang Cina mengusahakan perlombongan serta menjalankan perniagaan di bandar dan pekan. Akhirnya, ketiga-tiga etnik ini terpisah mengikut penempatan dan bidang pekerjaan di kampung, di estet dan di bandar.
- Dasar ini, secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya jarak sosial antara kaum. Malah, dasar British ini juga telah menyebabkan berlakunya jarak sosial dalam konteks pendidikan. Masing-masing etnik dibenarkan mendirikan sekolah masing-masing dengan silibus dan pendekatan yang digunakan di tanah besar China dan India.

DINAMIKA MASYARAKAT DI ZAMAN JEPUN & DARURAT

- Semasa zaman penjajahan Jepun, kehidupan rakyat digambarkan berada dalam situasi yang sukar. Sungguhpun penjajahan Jepun amat singkat iaitu selama 3 tahun 8 bulan (Ruslan, 2003), namun implikasinya terhadap kesepaduan dan integrasi sosial antara masyarakat pelbagai kaum amat besar. Apatah lagi kekalahan British di tangan Jepun telah membangkitkan semangat nasionalisme yang tinggi dalam kalangan rakyat untuk merdeka.
- Zaman Darurat antara 16 Jun 1948 hingga 31 Julai 1960 dikatakan zaman sengketa dan konflik antara kaum Melayu dan Cina. Majoriti ahli PKM dan penyokongnya adalah daripada kaum Cina dan sebaliknya.
- Rancangan penempatan semula yang diperkenalkan oleh British telah memburukkan keadaan yang mana ia membataskan hubungan antara kaum. Hubungan etnik menjadi lebih tegang dengan berkuatkuasanya Peraturan Kerahan Tenaga pada 20 Disember 1950 yang menyebabkan ramai pemuda-pemudi Cina pulang ke negara asal. Kerahan tenaga yang dilancarkan oleh Sir Henry Gurney bertujuan agar rakyat sama-sama membanteras komunis.

KE ARAH PEMBENTUKAN NEGARA MALAYSIA

- Justeru, selepas mencapai kemerdekaan, Bapa Kemerdekaan iaitu Tunku Abdul Rahman dan kabinetnya telah berusaha memperkukuhkan kestabilan ekonomi, politik dan sosial Tanah Melayu.
- Antara usaha yang telah dijalankan adalah menerusi pendidikan dengan memperkenalkan beberapa Jawatankuasa Akta Pelajaran seperti Penyata Razak, Penyata Abdul Rahman Talib (1960) dan sebagainya. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai dasar dan rancangan sosioekonomi seperti Rancangan Malaya Pertama (1956-1960) dan Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) yang bertujuan mengurangkan jurang perbezaan kemajuan dan pembangunan sosioekonomi politik antara penduduk bandar (kaum bukan Melayu) dengan penduduk luar bandar (kaum Melayu).
- Rancangan-rancangan pembangunan sosioekonomi ini menjurus ke arah pembangunan sektor luar bandar supaya dapat menambahkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar dengan memperbaiki kemudahan asas dan infrastruktur serta menggalakkan penduduk bergerak aktif dalam pelbagai sektor pertanian.

DINAMIKA MASYARAKAT SELEPAS MERDEKA HINGGA KINI

- Selepas pembentukan Malaysia, pelbagai rancangan diusahakan untuk meningkatkan lagi pembangunan sosioekonomi dan politik negara. Rancangan Malaysia Pertama telah diperkenalkan (1966-1970).
- Sungguhpun rancangan ini memberi penekanan kepada semua kaum khususnya untuk mencapai integrasi dan perpaduan, namun jurang ketidakseimbangan ekonomi antara kaum masih ketara.
- Pada 13 Mei 1969 konflik kaum meletus di Kuala Lumpur dan di beberapa tempat di seluruh negara. Ia tercetus ekoran rasa tidak puas hati akan status ekonomi dan politik selain daripada beberapa isu lain seperti bahasa, pendidikan dan kepentingan lain yang dibangkitkan dalam Pilihanraya Persekutuan 1969.

- Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua telah banyak menyumbang ke arah perpaduan dan integrasi kaum.
- Dasar, polisi dan strategi yang diperkenalkan oleh beliau kemudiannya telah disambung oleh Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri ketiga. Sungguhpun pemerintahan beliau agak singkat, namun ia telah dapat memperteguh dan memperkukuhkan usaha-usaha yang telah dibuat oleh Perdana Menteri sebelumnya. Beliau turut memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial pada peringkat lokal dan global.
- Pada tahun 1991, beliau digantikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri keempat. Selama 22 tahun pemerintahan beliau, Malaysia telah mencapai kemajuan dan kepesatan pembangunan ekonomi, politik dan sosial yang mengagumkan sehingga beliau diberi gelaran sebagai 'Bapa Pemodenan'.

- Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mengambil alih pucuk pimpinan sebagai Perdana Menteri kelima. Antara gagasan dan pendekatan yang telah dibawanya adalah memperkenalkan Islam Hadhari dan pembangunan modal insan berkelas dunia.
- Tun Abdullah menerusi kedua-dua gagasan ini berusaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bukan sahaja bersatu padu, maju dan progresif, namun yang lebih mendasar adalah mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan beradab.
- Sungguhpun ideanya telah dikritik dan dipandang remeh oleh sesetengah pihak, namun gagasan ideanya ini sedikit sebanyak memberi harapan baru kepada masyarakat Malaysia untuk menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun tinggi dengan memiliki "*towering personality*".

- Dato Seri Najib Tun Razak, sebagai Perdana Menteri keenam telah meneruskan legasi kelima-lima Perdana Menteri sebelumnya. Beliau melihat bahawa perpaduan dan integrasi kaum dapat disatukan menerusi gagasan pemikirannya iaitu Gagasan 1Malaysia dan Agenda Transformasi Nasional 50 (TN50).
- Kedua-dua gagasan ideanya ini bertujuan melahirkan sebuah masyarakat idaman yang di dalamnya lebih menonjolkan ciri-ciri sebuah negara bangsa Malaysia yang dinamik dan progresif.

- Namun, selepas tahun 2004 sehingga kini, isu yang lebih menonjol adalah berkaitan dengan isu Hak Asasi Manusia. Ia bukan sahaja melibatkan kaum secara khusus, tetapi juga kumpulan-kumpulan minoriti seperti LGBT.
- Dengan menggunakan Hak Asasi Manusia, pelbagai NGO dan parti politik mengambil kesempatan yang terbuka ini untuk memperjuangkan isu-isu kaum, hak minoriti seperti LGBT dan kaum elit (PPSMI). Malah, media sosial seperti Facebook, *Instagram* dan *WhatsApp* telah membuka ruang yang lebih luas kepada demokrasi dalam kalangan rakyat. Gelombang pascamodenisme dengan aliran liberalisasi pemikiran semakin mendapat tempat yang terbuka khususnya kepada generasi X, Y dan Z.
- Justeru, gelombang Hak Asasi Manusia ini telah memberi impak terhadap kesedaran politik dalam kalangan rakyat tentang hak dan amalan demokrasi. Malah pada hari ini, parti-parti pembangkang, NGO dan rakyat tanpa mengira kaum khususnya golongan bandar yang berpendidikan mulai sedar akan isu-isu kepimpinan, rasuah, salah guna kuasa, tadbir urus dan integriti.
- Masyarakat pelbagai kaum telah mula membina kesedaran terhadap isu-isu lokal dan global khususnya dalam usaha mewujudkan masyarakat sivil (madani). Sungguhpun kedengaran isu-isu kaum, namun ia sedikit sebanyak telah dineutralkan dengan Hak Asasi Manusia, tadbir urus yang baik dan integriti.

BAGAIMANA MEMBINA MASYARAKAT MALAYSIA YANG DINAMIK?

- Membina masyarakat tidak seperti membuat kek yang jika cukup bahan dan tepat adunannya, maka akan terhasillah kek yang sedap, enak dan berkualiti. Membina masyarakat tidaklah semudah itu, ia memerlukan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang secukupnya.
- Masyarakat adalah kelompok individu yang memiliki pemikiran dan perasaan. Apatah lagi jika masyarakat yang ingin dibentuk itu bersifat rencam, kompleks dan majmuk seperti apa yang wujud di Malaysia.
- Justeru, untuk membentuknya menjadi suatu masyarakat idaman iaitu bangsa Malaysia adalah memakan kos yang tinggi dengan tenaga serta segala usaha yang bersungguh-sungguh di pelbagai peringkat.

- Konsep kesepaduan dalam kepelbagaian dalam perspektif epistemologi menurut Shamsul Amri (2012) sebagai;

“.... suatu rumusan dan menyimpulkan dan menartikulasikan bagaimana manusia mengurus, menyusun dari segi abstrak dan nyata, perbezaan sosial yang sedia ada dalam kalangan mereka. Perbezaan ini boleh dicirikan oleh unsur agama, etnik, wlayah dan sebagainya. Suasana ini juga dikaitkan dengan penciptaan identiti berdasarkan himpunan sempadan abstrak dan nyata yang telah digarap cipta sesama manusia”.

- Justeru, melahirkan masyarakat yang bersifat kepelbagaian dalam kesatuan itu dalam perspektif sosiologikal adalah membayangkan sebuah masyarakat idaman dan harapan. Ia berlawanan dengan konsep lain iaitu “Perpaduan dalam Kesamaan dan Kesatuan (*unity is uninformity*) iaitu merujuk kepada satu agama, satu bangsa, satu bahasa, satu negara iaitu suatu gambaran masyarakat yang sempurna, homogenus yang tidak boleh menjadi kenyataan, khususnya dalam konteks globalisasi pada hari ini.
- Justeru, dalam konteks di Malaysia, majoriti sarjana dalam bidang kenegaraan dan hubungan etnik bersetuju bahawa konsep ‘kesepaduan’ itu lebih menepati ciri-ciri masyarakat majmuk di Malaysia berbanding sarjana yang memahami perpaduan dalam perspektif konflik.
- Menurut Mansor (2012), kebanyakan kajian hubungan etnik di Malaysia telah memberikan tumpuan kepada perbezaan antara etnik dan mengabaikan kewujudan aspek persamaan, perkongsian nilai dan sikap saling menghormati antara etnik lain.

- Usaha membangunkan masyarakat Malaysia yang dinamik bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata.
-
- Masyarakat bertanggungjawab dalam meletak dan memposisikan dirinya sebagai warga negara yang bertanggungjawab terhadap diri, bangsa, agama dan negaranya.
 - Tanpa penglibatan aktif masyarakat ke arah melahirkan sebuah masyarakat yang dinamik, tidak akan mungkin kerajaan dengan dasar dan program yang baik mampu melahirkan sebuah masyarakat yang dinamik dan progresif (Shamsul Amri *et al.*, 2003)

Peranan Warganegara

- Antara peranan masyarakat dalam membina sebuah masyarakat Malaysia yang dinamik adalah seperti berikut:
-
- Pendidikan Ke Arah Membina Masyarakat Yang Berilmu
 - Perpaduan dan Pendidikan
 - Pendidikan dan Modal Insan
 - Pendidikan dan Pembangunan
 - Pendidikan Meletakkan Malaysia di Pentas Global
 - Masyarakat Yang Patuh dan Mengamalkan Prinsip-prinsip Rukun Negara
 - Warganegara yang Celik Politik (Literasi Politik)
 - Bersama membina Kesepaduan Sosial (Kesepaduan dalam Kepelbagaian)
 - Pembangunan Modal Insan dan Masyarakat Minda Kelas Pertama

Peranan Kerajaan

- Kerajaan ataupun pemerintah berperanan penting dalam membangunkan masyarakat Malaysia yang dinamik. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya adalah dipertanggungjawabkan dalam merancang dan membangunkan masa depan Malaysia yang cemerlang dan gemilang.
- Sejak zaman Perdana Menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman al-Haj sehinggalah Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri keenam, pelbagai dasar, program dan wawasan telah diperkenalkan dalam usaha membina sebuah negara yang maju, makmur dan berdaulat.
- Kesemua dasar, program dan wawasan yang bersifat "*tangible*" dan "*intangible*" ini telah banyak membuahkan hasil dalam membina kemakmuran dan kemajuan yang berterusan. Keenam-enam pentadbiran dan pemerintahan Perdana Menteri ini memiliki kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Masing-masing merancang dan melaksanakan pelbagai dasar, program dan wawasan berlandaskan keperluan perubahan masyarakat, situasi tempatan serta perubahan global.

- Kepimpinan Berwawasan
 - Kepimpinan Bersih, Cekap dan Amanah
 - Tadbir urus Yang Baik dan Berkesan
-

Ke Arah Membina Negara Idaman

- Identiti sesuatu bangsa itu merupakan elemen terpenting dalam rupa bentuk bangsa Malaysia. Dalam hal ini tentulah identiti nasional menjadi teras kepada bangsa dan negara idaman tersebut (A. Aziz, 2001). Sehingga kini, antara asas kepada pembinaannya adalah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Rukun Negara. Seperti yang disebut oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohammad berkaitan bangsa Malaysia;

“...sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut”.

- Sarjana tempatan seperti Shamsul Amri dan Anis Yusal (2014) dan Mansor (2012) berpandangan membina sebuah negara idaman dengan negara bangsa sebagai teras pembentukannya memang agak sukar.
- Namun begitu, proses tersebut sedang kita lalui menerusi jenama perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan. Ia merupakan suatu proses yang panjang dan berterusan. Ia disumbangkan menerusi proses *top-down* dan *bottom-up*. Pandangan ini turut dikongsi oleh Siddiq (2016) yang menurutnya;

‘Pembinaan bangsa dalam konteks Malaysia harus berasaskan formula kepelbagaian dalam kesatuan. Kita harus dapat bersikap positif, melihat dan menerima kepelbagaian kaum, agama dan budaya bukan sebagai sumber konflik, sebaliknya sebagai aset kekuatan, kekayaan, kreativiti, dinamika kemajuan. Bangsa tidak dapat dibina menerusi formula melting pot atau kawah besar peleburan. Tidak ada golongan yang rela jati dirinya dileburkan’.

- Keragaman budaya tidak menjadi masalah, andainya ia diletakkan dalam bingkai kesatuan. Formula kepelbagaian dalam kesatuan adalah selaras dan serasi dengan fitrah kejadian manusia. Rakyat Malaysia akan melahirkan sebuah bangsa Malaysia dan inilah yang dikatakan sebagai pembinaan sebuah negara idaman. Negara bangsa menurut Ruslan, Mohd Hamdee dan Zaini (2010) sebagai;

“... sebuah negara yang berdaulat dengan rakyat hidup bersatu padu, tanpa dipisahkan oleh ikatan primordial yang sempit seperti kaum, keturunan, agama, bahasa, budaya, daerah dan sebagainya yang dilihat boleh membawa kepada perpecahan. Rakyat di negara ini juga mempunyai keyakinan serta kepercayaan yang tinggi kepada sistem pemerintahan dan undang-undang yang dilaksanakan di negara tersebut”.

CABARAN MEMBANGUN MASYARAKAT DINAMIK

- Cabaran membangunkan sebuah masyarakat yang dinamik amat besar dan tidak mudah. Apatah lagi masyarakat Malaysia yang begitu rencam dan kompleks sifatnya sentiasa mengalami pasang surut dari segi hubungan dan jalinan perpaduan.
- Namun setakat ini, formula permuafakatan politik sedikit sebanyak berjaya mengendurkan ketegangan dan konflik yang berlaku. Masa depan Malaysia banyak bergantung kepada kestabilan politik yang disumbangkan oleh perpaduan dan kesepaduan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan keturunan (Shamsul Amri *et al.*, 2003).
- Justeru, cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan sebuah masyarakat dan negara idaman sememangnya penuh ranjau dan liku. Cabaran-cabaran yang wujud dalam pelbagai dimensi dan konteks dan antaranya termasuklah cabaran politik, ekonomi, sosial, psikologi dan pembangunan karakter serta cabaran yang lebih besar iaitu globalisasi. Berikut adalah idea-idea utama yang dihadapi dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang dinamik.

-
- Antara cabarannya adalah;
 - Cabaran politik
 - Cabaran ekonomi
 - Cabaran sosialCabaran psikologi dan pembinaan karakter
 - Cabaran globalisasi

Kesimpulan

- Masyarakat Malaysia adalah sebuah negara yang unik yang memiliki kepelbagaian dan keragaman masyarakat dan budaya.
- Justeru, usaha yang serius dan berterusan perlu untuk membangunkan sebuah masyarakat yang kompleks dan beragam ini menjadi sebuah masyarakat yang progresif dan dinamik iaitu sebuah bangsa Malaysia.
- Bangsa Malaysia yang bersatu padu adalah sebahagian besar daripada konsep sebuah negara idaman. Ia mampu dicapai dengan pendekatan yang holistik dan komprehensif iaitu menerusi perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan.